

ENAKMEN 6 TAHUN 1991
ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH (NEGERI MELAKA) 1991

BAHAGIAN III - SUBAHAT

Seksyen 35. Pensubahat.

Seseorang adalah menyubahati sesuatu kesalahan jika ia bersubahat melakukan sesuatu kesalahan, atau bersubahat melakukan sesuatu perbuatan yang akan menjadi suatu kesalahan, sekiranya dilakukan oleh seseorang yang berupaya di sisi undang-undang melakukan sesuatu kesalahan dengan niat atau pengetahuan yang sama dengan niat atau pengetahuan pensubahat itu.

Huraian 1 - Menyubahati sesuatu perbuatan ditinggalkan dengan menyalahi undang-undang boleh terjumlah kepada suatu kesalahan, sungguhpun pensubahat itu sendiri tidak terpaksa melakukan perbuatan itu.

Huraian 2 - Bagi menjadikan kesalahan subahat, maka tidaklah perlu bahawa perbuatan yang disubahati itu dilakukan atau bahawa kejadian yang cukup bagi menjadikan kesalahan itu disebabkan.

MISALAN

(a) *A* menghasut *B* supaya membunuh *C*. *B* enggan melakukannya. *A* adalah melakukan kesalahan menyubahati *B* supaya melakukan kesalahan membunuh orang.

(b) *A* menghasut *B* supaya membunuh *D*. *B* pada menurut hasutan itu, menikam *D*. *D* sembuh daripada lukanya. *A* adalah melakukan kesalahan menghasut *B* supaya melakukan kesalahan membunuh orang.

Huraian 3 - Tidaklah perlu orang disubahati itu berupaya di sisi undang-undang melakukan sesuatu kesalahan, atau ia mempunyai niat atau pengetahuan pensubahat itu, atau mempunyai apa-apa niat atau pengetahuan yang salah.

MISALAN

(a) *A* dengan suatu niat yang salah, menyubahati seorang kanak-kanak atau seorang gila supaya melakukan suatu perbuatan yang boleh menjadi suatu kesalahan sekiranya dilakukan oleh seseorang yang berupaya di sisi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan yang mempunyai niat yang sama seperti *A*. Di sini, sama ada perbuatan itu dilakukan atau tidak, *A* adalah melakukan kesalahan yang menyubahati suatu kesalahan.

(b) *A* dengan niat hendak membunuh *Z*, menghasut *B*, seorang kanak-kanak yang belum baligh, supaya melakukan sesuatu perbuatan yang menyebabkan kematian *Z*. Oleh sebab subahat *B*, melakukan perbuatan itu, dan dengan demikian itu menyebabkan kematian *A* di sini, walaupun *B* tidak berupaya di sisi undang-undang melakukan sesuatu kesalahan dan telah melakukan sesuatu kesalahan. *A* boleh diseksa sama seperti seolah-olah *B* berupaya di sisi undang-undang melakukan sesuatu kesalahan dan telah melakukan kesalahan membunuh orang, dan oleh sebab itu *A* bolehlah dikenakan seksaan bunuh.

(c) *A* menghasut *B* supaya membakar sebuah rumah kediaman *B* oleh sebab akalnya tidak sempurna dan ianya tidak berupaya mengetahui keadaan itu atau bahawa apa yang dilakukannya itu sama ada salah atau berlawanan dengan undang-undang, membakar rumah itu oleh sebab hasutan *A*. *B* tidaklah melakukan apa-apa kesalahan, tetapi *A* adalah melakukan kesalahan menyubahati kesalahan membakar sebuah rumah kediaman, dan bolehlah dikenakan seksaan yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(d) *A* yang bermaksud hendak menyebabkan kesalahan mencuri dilakukan, menghasut *B* supaya mengambil harta yang dipunyai oleh *Z*, daripada milik *Z*. *A* mendorong *B* supaya mempercayai bahawa harta itu dipunyai oleh *A*. *B* ambil harta itu daripada milik *Z*, dengan suci hati mempercayainya sebagai harta *A*. *B*, yang bertindak di bawah salah faham ini, tidaklah melakukan kesalahan mencuri.

Huraian 4 - Oleh kerana menyubahati sesuatu kesalahan adalah suatu kesalahan maka menyubahati subahat itu adalah juga suatu kesalahan.

MISALAN

A, menghasut *B* supaya menghasut *C* membunuh *Z*. *B*, oleh yang demikian, menghasut *C* supaya membunuh *Z*, dan *C* melakukan kesalahan itu oleh sebab hasutan *B*. *B* boleh diseksa kerana kesalahannya dengan seksaan bagi kesalahan membunuh orang; dan oleh kerana *A* telah menghasut *B* melakukan kesalahan itu maka *A* juga bolehlah dikenakan seksaan yang sama.

Huraian 5 - Tidaklah perlu bagi melakukan kesalahan subahat dengan jalan pakatjahat bahawa pensubahat itu menyertai kesalahan itu bersama orang yang melakukannya. Adalah memadai jika ia mengambil bahagian dalam pakatjahat itu dan kesalahan itu dilakukan pada menurut pakatjahat itu.

MISALAN

A menyertai *B* dalam suatu rancangan untuk meracun *Z*. Adalah dipersetujui bahawa *A* hendaklah mengenakan racun itu. *B* kemudiannya menghuraikan rancangan itu kepada *C* dengan menyebut bahawa seorang lain akan mengenakan racun itu, tetapi tidak menyebut nama *A*. *C* bersetuju mendapatkan racun itu, lalu mendapatkan dan menyerahkannya kepada *B* supaya digunakan secara yang telah dihuraikan itu. *A* mengenakan racun itu; *Z* mati akibatnya. Di sini, walaupun *A* dan *C* tidak berpakatjahat bersama-sama, akan tetapi *C* telah mengambil bahagian dalam pakatjahat itu yang pada menurutnya *Z* telah dibunuh. Oleh sebab itu, *C* telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan dalam seksyen ini, dan bolehlah dikenakan seksaan bagi kesalahan membunuh orang.
